

05 NOV 1996

Anwar-Komponen

PENELITIAN TERHADAP KOMPONEN TEMPATAN DIPERTINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan lebih teliti terhadap apa yang ditakrifkan sebagai komponen tempatan bagi memastikan ia benar-benar mengandungi bahan tempatan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Sambil meminta syarikat-syarikat tempatan yang menyediakan komponen bagi industri pembuatan memberikan perhatian kepada usaha itu, beliau berkata ada komponen tempatan didapati mengandungi sehingga 70 peratus bahan import.

"Ini cabaran kepada syarikat tempatan supaya tidak meremehkan usaha mengeluarkan bahan secara tempatan," katanya ketika merasmikan persidangan teknologi maklumat (IT) bertajuk "Menggunakan IT Untuk Masa Depan Yang Lebih Baik - Menyediakan Malaysia untuk Koridor raya Multimedia" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Penelitian terhadap perkara itu perlu kerana selama ini kerajaan memberikan pelbagai insentif atas nama komponen tempatan, kata Anwar.

Menurutnya syarikat tempatan mempunyai ruang yang luas dalam usaha itu terutama dalam peralihan sektor pembuatan di negara ini daripada sekadar menjadi pemasar bagi barangan berteknologi sederhana serta berintensifkan buruh kepada sektor industri pembuatan yang lebih canggih, berteknologi tinggi.

Anwar juga menekankan perlunya penggunaan bahan tempatan diutamakan dalam sektor lain seperti pelancongan.

Menurutnya ada hotel lebih menggunakan barang import seperti pinggan mangkuk dan perabot sedangkan ia boleh diperolehi dalam negara.

"Ada syarikat perabot tempatan berupaya mengeksport dan menembusi pasaran Eropah dan Amerika Syarikat...perabotnya digunakan di hotel Amerika tetapi tidak di Malaysia," katanya.

Pada majlis itu, Anwar turut mengumumkan pelantikan Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen sebagai Ketua Eksekutif Mimos Bhd -- badan yang dikorporatkan pada 1 Nov lepas. Sebelum pengkorporatan Mimos (Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia), Dr Azman merupakan ketua pengarahnya.

Anwar juga berkata Majlis Panel Perunding IT yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka bermesyuarat di San Fransisco, Januari depan.

Mengenai Rang Undang-undang Siber, Anwar berkata ia dijangka dibentangkan pada sesi Parlimen sekarang atau selewat-lewatnya sesi Mac/April akan datang.

Perundangan itu dapat digunakan untuk kawasan Koridor raya Multimedia (MSC) yang sedang dibangunkan, katanya. -- BERNAMA

AZZ RON